

**WARNA-WARNI SEMPENA SAMBUTAN  
ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-28  
PADA 23 FEBRUARI 2012**







*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni  
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*



**Terbitan**

Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

**Cetakan Pertama 2013**

**Hakcipta**

Jabatan Penerangan

**Penyelaras**

Sastraa Sarini binti Haji Julaini

**Susunan/Reka Letak/Taip Set**

Hajah Painah binti Paiman

**Pruf**

Hajah Norpisah binti Mohd. Salleh

**Reka Bentuk Kulit Luar**

Haji Roslan bin Haji. Mohd. Daud

**Koleksi Foto**

Bahagian Fotografi Jabatan Penerangan

**Titah  
Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka  
Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar  
‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam  
Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-28 pada 23 Februari 2012**



Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

**A**lhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuriddunyaa Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhamadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya jua, kita dapat menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan negara yang ke-28, di dalam suasana sejahtera.

Sepanjang 28 tahun kita merdeka, negara alhamdulillah, telah berjaya mengekalkan keamanan dan kemakmurannya. Semogalah ia akan berterusan untuk dinikmati oleh generasi demi generasi.

Orientasi kita dalam melakar pembangunan adalah bercorak global. Kerana kita tidak hanya melihat kepada liku-liku kehidupan dalaman, bahkan perlu turut mengambil iktibar dari peristiwa dan kejadian di dunia tanpa sempadan.

Namun dalam segala hal, kita tetap perlu mengukuhkan jati diri kita selaku rakyat Brunei yang ta'at beragama, yang berawar galat, berperawis dan beradat.

Janganlah cepat-cepat mengikut arus, tetapi perlu berhemah dan patriotik di dalam mempertahan dan mengamalkan warisan berharga, seperti akhlak yang baik, bahasa bangsa dan sebagainya. Kerana semua elemen-elemen ini adalah 'penanda' bagi kewujudan kita.

Tidak lama lagi kita akan memasuki Tahun Kewangan 2012/2013 dan memulakan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10.

Kita menyedari, bahawa prestasi pelaksanaan program-program kemajuan kita tidak terlepas dari menghadapi pelbagai cabaran, khususnya cabaran kapasiti yang terhad. Namun ini bukanlah alasan untuk kita menjadi lemah.

Perjalanan kita menuju sasaran Wawasan 2035 memerlukan kita lebih tangkas dan tegas. Mana-mana sasaran yang tercincir dan lambat adalah perlu dipercepatkan dan yang tersasar perlu pula dikembalikan ke atas landasannya semula.

Dalam apa jua tindak-tanduk kita, perancangan yang payu adalah keperluan asasi, sementara pencapaian sasaran pula perlu disukat secara objektif.

Sebagai jentera pentadbiran kerajaan, Perkhidmatan Awam adalah memainkan peranan utama untuk terus menjana gagasan baru, meningkatkan kapasiti dan mempertemukan kaedah-kaedah bukan-konvensional untuk menangani keperluan negara yang kian kompleks dan mencabar di abad ke-21 ini.

Namun walau begitu, bukanlah bermakna setiap yang baru itu tidak ada cacatnya, kadang-kadang ia hanya unggul pada teori sahaja, bukan pada amalinya.

Produktiviti dan efisiensi memanglah kita utamakan, tetapi bukanlah mesti dengan membebankan perkara-perkara yang sepatutnya tidak perlu dibuat.

Kaedah-kaedah baru boleh sahaja dicuba, tetapi bukan mesti yang bersifat teruk lagi membebankan. Pada beta, kaedah-kaedah lebih mesra adalah lebih utama dan berpatutan.

Sayugia juga diingat, warga Perkhidmatan Awam ini terdiri dari pelbagai peringkat, pelbagai bidang dan pelbagai kelulusan. Apakah ini tidak mewajarkan mereka dengan kaedah-kaedah yang berbeza?

Menyentuh kepentingan lebih umum, di akhir-akhir ini, satu perkara yang sangat merisaukan orang ramai ialah mengenai keselamatan di jalan raya. Perangkaan kematian akibat kemalangan sangatlah membimbangkan.

Lebih membimbangkan lagi, sebahagian besar dari kemalangan itu melibatkan anak-anak muda, dengan penyebabnya adalah berbentuk kecuaian, sikap tidak berhemah, memandu dengan kelajuan melebihi had laju dan tidak mematuhi undang-undang.

Kalau ini benar menjadi penyebabnya, apakah tidak perlu bagi kita untuk mencari cara-cara mencegahnya? Pada hemat beta, sangatlah perlu.

Salah satu cara ‘pencegahan’ itu ialah melalui undang-undang. Undang-undang sudahpun ada, baik yang berkaitan dengan tali keledar atau penggunaan telefon bimbit semasa memandu. Tetapi adakah ia telah dikuatkuasakan sepenuhnya? Jika belum, bererti kita belum lagi menjalankan pencegahan itu.

Jadi apa yang perlu di sini, tidak lain ialah, semua pihak hendaklah tampil, terutama anggota polis, mereka dikehendaki untuk mempertingkatkan lagi kewaspadaan dan keberadaan mereka di dalam pelaksanaan undang-undang berkaitan.

Turut menjadi aspek penting pencegahan ialah memastikan keadaan jalan-jalan raya utama, supaya benar-benar memenuhi keperluan piawaian keselamatan bertaraf tinggi.

Kesemua langkah-langkah pencegahan ini hanya akan mendatangkan hasil yang berkesan apabila ia benar-benar dibudayakan, melalui promosi dan pengkuatkuasaan yang konsisten.

Di samping kemajuan kita dalam negara, hubungan diplomatik kita dengan negara-negara sahabat juga tetap akan dipupuk dan dipelihara. Ianya adalah teras kemantapan politik, ekonomi dan keselamatan. Ia akan menjadi amalan berterusan, berdasarkan prinsip berbaik-baik dan hormat-menghormati kedaulatan masing-masing.

Akhir sekali, beta sukacita merakamkan ucapan terima kasih kepada semua peserta dan petugas serta ahli-ahli jawatankuasa-jawatankuasa yang sama-sama berusaha dalam menjayakan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-28 Hari Kebangsaan pada tahun ini.

Beta juga dengan ikhlas merakamkan ucapan yang sama kepada semua lapisan rakyat, penduduk dan pemimpin yang terlibat, termasuk semua peringkat ahli Perkhidmatan Awam, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta, kerana sumbangan mereka terhadap keamanan dan pembangunan negara.

Sebagai merista balik sukut baik lagi indah serta penuh berkat kita mananai kemerdekaan negara, maka beta sudahi perutusan ini dengan lafaz keramat: ‘Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar!’

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Majlis Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah,  
Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah  
Yaa Siiin, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu  
Isyak Berjemaah Sempena Sambutan Ulang Tahun  
Hari Kebangsaan Ke-28**



## **Majlis Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-28**

**B**ersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28, Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran telah diadakan di keempat-empat daerah pada 22 Februari 2012 dengan tumpuan utama di Masjid Omar ‘Ali Saifuddien di ibu negara dan di semua masjid dan surau-surau di seluruh negara.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan berangkat bersama rakyat dan penduduk di negara ini menuaiakan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-28 berlangsung di Masjid Omar ‘Ali Saifuddien di ibu negara. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji ‘Abdul ‘Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Wakeel.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima junjung ziarah para jemaah sebelum menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin, Doa Kesukuran dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28 pada 22 Februari 2012.**





*KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan berangkat bersama rakyat dan penduduk di negara ini menunaikan Sembahyang Sunat Hajat diimamkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Awang Haji Besar (atas). Manakala Bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin.*





*RAKYAT dan penduduk di negara ini menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-28 (atas). Manakala gambar bawah, sebahagian para jemaah ketika mengaminkan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.*



**Perhimpunan Agung  
Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-28**



**A**cara kemuncak Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28 berlangsung dengan perhimpunan agung melibatkan kira-kira 21,000 peserta bagi Upacara Perbarisan Lalu dan kira-kira 7,700 peserta bagi acara persembahan padang di Taman Haji Sir Muda Omar ‘Ali Saifuddien di ibu negara pada hari Khamis, 23 Februari 2012.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke upacara perhimpunan tersebut.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28 di Taman Haji Sir Muda ‘Omar Ali Saifuddien. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji ‘Abdul ‘Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik , Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah serta kerabat diraja yang lain.**



*KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menerima tabik hormat diraja Sempena Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-28 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negaa.*



*KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa barisan kehormatan.*

















*PASUKAN orang ramai yang turut sama sama meraikan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Hari Kebangsaan Ke-28 di Taman Haji Sir Omar 'Ali Saifuddien di Bandar Seri Begawan.*



*PARA penuntut yang menyertai perbarisan sempena Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-28.*

**Upacara Menaikkan Bendera Besar  
Negara Brunei Darussalam  
Menandakan Bermulanya  
Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-28**



## **Semai rasa kecintaan, tanamkan semangat kenegaraan, bendera simbol kebanggaan, kemegahan bernegara**

**B**ersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28, Bendera Besar Negara telah berkibar megah di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di ibu negara bermula pada hari Ahad, 12 Februari 2012. Ia menandakan bermulanya acara sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah dan doa selamat dipimpin oleh imam Masjid Omar ‘Ali Saifuddien, Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin.

Acara seterusnya ialah penyerahan Bendera Besar oleh Yang Berhormat kepada Pasukan Tentera Laut Diraja Brunei yang kemudiannya melaksanakan upacara menaikkan bendera diiringi Lagu Kebangsaan oleh gabungan kumpulan koir Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khatab dan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah serta Pasukan Pancaragam Polis Diraja Brunei.

Di majlis itu, Yang Berhormat juga menyempurnakan penyampaian bendera-bendera dan poster-poster sempena sambutan tersebut kepada Pegawai-pegawai Daerah.

Juga hadir di majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Haji Mohd. Yusof; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ADBD), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Dengan berkibarnya bendera besar Negara Brunei Darussalam ini, rakyat dan penduduk diseru untuk menaikkan bendera negara manakala bagi orang-orang kenamaan dan bergelar hendaklah mengibarkan bendera peribadi masing-masing.



*MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah ketika hadir pada Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam Sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28 di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.*





*MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyerahkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam kepada anggota Tentera Laut Diraja Brunei untuk dikibarkan.*



*ANGKATAN Tentera Laut Diraja Brunei telah diberi penghormatan untuk menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Kebangsaan Ke-28.*



*MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyampaikan bendera negara kepada Pegawai Daerah Brunei dan Muara.*



*MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyampaikan bendera negara kepada Pegawai Daerah Belait.*



*MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyampaikan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong.*



*MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyampaikan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Temburong.*



**SEMANGAT BERKOBAR ...** Para belia dihasratkan untuk menanamkan semangat cinta kepada tanah air dengan menyertai Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam.





*Para penuntut sekolah terdiri daripada anggota pertubuhan beruniform turut meraikan Upacara Menaikkan Bendera Besar di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.*



**Penyerahan bendera negara disempurnakan  
serentak di keempat-empat daerah**



**S**ejurus selepas Upacara Menaikkan Bendera Besar negara di Bandar Seri Begawan, majlis penyerahan bendera kemudiannya disempurnakan di keempat-empat daerah yang lain.

Majlis Penyerahan Bendera bagi Daerah Brunei-Muara diadakan di Pejabat Daerah Brunei-Muara; Kompleks Pasarneka dan Tamu bagi Daerah Tutong; Menara Cendera Kenangan, Jalan Sungai bagi Daerah Belait; dan Kawasan Dermaga, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar bagi Daerah Temburong.



*UPACARA Menaikkan Bendera Besar di Daerah Brunei-Muara oleh anggota Pasukan Polis Diraja Brunei.*



*PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara menyerahkan bendera kepada Penghulu Mukim Gadong ‘A’.*



*PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, menyerahkan bendera kepada para penerima yang terdiri daripada penghulu mukim dan ketua kampung di Daerah Tutong.*



*PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, menyerahkan bendera kepada para penerima terdiri daripada penghulu mukim dan ketua kampung di Daerah Temburong.*

## Bendera lambang kedaulatan, kibarkan tanda kesetiaan kepada negara

**S**etiap menjelangnya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, masih terdapat sebilangan rumah kediaman yang tidak mengibarkan bendera negara. Berasaskan kepada pengamatan itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri mengambil langkah untuk menganjurkan Kempen Mengibar Bendera Negara di keempat-empat daerah sebagai salah satu usaha jabatan itu untuk menanai tanggungjawab berbangsa dan bernegara.

Kempen Mengibar Bendera Negara bermula di Daerah Brunei-Muara di Mukim Serasa. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Datin Paduka Hajah Adina binti Othman, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Acara diadakan pada hari Selasa, 29 Januari 2012.

Manakala di Daerah Tutong, kempen diadakan di Mukim Rambai. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Awang Yahya bin Haji Idris.

Sementara itu di Daerah Temburong, kempen diadakan di Mukim Bokok pada hari Selasa, 7 Februari 2012. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri. Manakala bagi Daerah Belait, ianya diadakan untuk penduduk Kampung Mumong pada hari Khamis, 9 Februari 2012. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos, Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



**PERSEMBAHAN** deklamasi sajak oleh penduduk Mukim Serasa semasa Kempen Mengibar Bendera Negara di Daerah Brunei-Muara.



**PENCERAMAH** Undangan yang menyampaikan syarahan ketika majlis Kempen Mengibar Bendera di Daerah Belait.



**PENUNTUT** Daerah Temburong ketika membuat persembahan koir semasa Kempen Mengibar Bendera di daerah tersebut.


Muka Surat 31



**ANTARA** Tetamu yang hadir semasa Kempen Mengibar Bendera di Daerah Tutong.

**Poster-poster  
Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-28**





[www.nationalday.org.bn](http://www.nationalday.org.bn)

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.


# سنبون اولع تاهون هاري بقسانن ك-28



## SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN KE -28

1 RABIULAKHIR 1433 / 23 FEBRUARI 2012

‘NEGARAKU BRUNEI DARUSSALAM’



Kibarkan Bendera Kebangsaan dan Peribadi  
Mulai 19 Rabiulawal 1433 / 12 Februari 2012  
Hingga 5 Rabiulakhir 1433 / 27 Februari 2012



**Logo Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam  
Melambangkan 28 Tahun Kemerdekaan**





*Bentuk kupu-kupu yang diolah oleh angka 28 yang membawa maksud 28 tahun kemerdekaan Negara Brunei Darussalam adalah menjadi logo sambutan Hari Kebangsaan Ke-28 pada tahun ini. Logo ini telah dicipta oleh Awang Haji Esa bin Kula yang bertugas di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.*

## **Logo Hari Kebangsaan angka 28 berbentuk kupu-kupu**

**L**ogo keseluruhan ialah bentuk kupu-kupu yang diolah oleh angka 28 yang membawa maksud 28 tahun kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

Kupu-kupu pula melambangkan alam flora dan fauna yang perlu dikawal dan dipelihara daripada sebarang pencemaran dan kemusnahan agar kita hidup aman, sihat dan sempurna.

Warna hijau yang bercampur putih dan coklat melambangkan keadaan alam dan isi kandungannya termasuk pokok-pokok dan hidupan liar bebas menghirup udara bersih yang tidak tercemar.

Empat bulatan sayap kupu-kupu bermaksud empat daerah yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Huruf jawi melambangkan Agama Islam sebagai Agama Rasmi Negara dan mendukung usaha untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir.

Panji-panji sebagai lambang bernegara yang berdaulat dan warna kuning membawa maksud sistem pemerintahan beraja yang disembah dan sebagai ketua agama yang perlu diikuti.

Warna biru membawa maksud laut sebagai sumber makanan dan mata pencarian yang perlu dijaga, dikawal dan dipelihara dari sebarang kerosakan dan pencemaran.